

Anggota polis trafik nafi terima rasuah

Melaka: Anggota polis trafik berpangkat Koperal mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh di sini, semalam atas enam pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM16,800

bagi melindungi syarikat lori yang melakukan kesalahan membawa muatan berlebihan dari 2016 hingga 2021.

Tertuduh, Mohd Hanif Mohamad, 36, membuat pengakuan itu selepas

mendengar pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Elesabet Paya Wan.

Mengikut pertuduhan pertama, dia didakwa memperoleh suapan RM2,400 secara pindahan atas talian daripada Pengurus Syarikat Sivan Sakthi Maju Enterprise, N PP Vijayan melalui akaun Maybank antara 6 Januari hingga 11 Oktober 2016 di Maybank Islamic Berhad, Cawangan Ayer Keroh, di sini.

Mohd Hanif didakwa menerima suapan itu sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas lori syarikat itu mengikut Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Bagi pertuduhan kedua hingga keenam, dia didakwa mengulangi kesalahan sama dengan memperoleh suapan berjumlah RM14,400 daripada syarikat sama pada 14 Januari hingga 12 Disember 2017; 10 Januari hingga 10 Disember 2018; 10 Januari hingga 11 Disember 2019; 15 Januari hingga 15

Disember 2020 dan 11 Januari hingga 15 Februari 2021.

Semua pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 17 (a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama, memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda minimum lima kali nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana lebih tinggi.

Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Irwan Shah Abdul Samat yang menjalankan pendakwaan mencadangkan jaminan RM5,000 bagi semua pertuduhan serta syarat tambahan melapor diri di Pejabat SPRM setiap bulan dan passport antarabangsa diserahkan kepada mahkamah.

Mahkamah membenarkan tertuduh dilepaskan dengan ikat jamin RM5,000 dengan seorang penjamin serta diperintah melaporkan diri setiap bulan di pejabat SPRM sehingga perbicaraan selesai.

Kes ditetapkan untuk sebutan semula bagi serahan dokumen pada 22 Ogos depan.

TERTUDUH mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh, Melaka.
- Gambar NSTP/MEOR RIDUWAN MEOR

Tertuduh hadapi enam pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM16,800 dari 2016 hingga 2021

